

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 MEI 2014 (AHAD)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|-------------------|
| 1. | UniMAP catat kemenangan besar | Mingguan Malaysia |
| 2. | Johor mahu jadi pusat projek perintis pertanian negara | BERNAMA |
| 3. | Malaysia dijangka alami monsun barat daya pertengahan Mei – Jabatan Meteorologi | BERNAMA |

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 11 MEI 2014 (AHAD)



DR. KAMARUDIN

UniMAP catat kemenangan besar

KUALA LUMPUR 10 Mei - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih kemenangan bergaya dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014 dan Pameran Pereka Muda Asia (AYIE) 2014 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Kejayaan itu diperolehi selepas semua 84 produk yang dipertandingkan UniMAP pada ITEX dan AYIE meraih 65 emas, 17 perak dan dua gangsa, kata Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 55 emas, 14 perak dan satu gangsa dimenangi pada ITEX manakala 10 emas, tiga perak dan satu gangsa dimenangi dalam cabaran AYIE.

Kejayaan pada ITEX 2014 melangkaui sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 40 pingat emas.

"Saya amat teruja dengan kejayaan besar kita. Ia membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk-produk baru yang bertenologi tinggi," katanya pada pemberita di sini hari ini.

Kamarudin berkata, kejayaan itu menunjukkan peningkatan mendadak UniMAP dalam pertandingan itu berbanding tahun lepas dengan meraih 32 pingat emas, 26 perak dan satu gangsa dari 60 produk yang dipertandingkan.

Pameran tiga hari itu yang bermula kelmarin dan berakhir hari ini disertai 40 institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan institusi penyelidikan antara bangsa.

Ia dianjurkan Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Malaysia (MINDS) dan dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah, kelmarin.

- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 MEI 2014 (AHAD)



Johor Mahu Jadi Pusat Projek Perintis Pertanian Negara

JOHOR BAHRU, 11 Mei (Bernama) -- Johor berhasrat menjadi pusat bagi projek perintis pertanian negara bagi memastikan negeri ini mendapat faedah terlebih dahulu daripada hasil kejayaan projek-projek berkenaan.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata kerajaan negeri bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk menjadikan negeri ini sebagai tempat perintis projek-projek pertanian kementerian itu.

"Kalau Johor hendak kekal menjadi negeri pengeluar utama bahan makanan negara, kita tidak boleh lari daripada memperkenalkan dan membuat inovasi dalam kalangan petani dan mereka yang terlibat dengan pertanian.

"Dengan ini, Johor akan menjadi negeri pertama menerima apa-apa inovasi (dalam bidang pertanian) dan kejayaan daripada program-program perintis boleh kita jadikan sebagai projek kekal," kata beliau kepada pemberita ketika lawatan kerja ke pusat pengumpulan dan pemprosesan kupang di Kampung Pasir Gudang Baru dekat sini Ahad.

Beliau berkata usaha ini juga selaras dengan inisiatif kerajaan negeri untuk memperbaiki serta memantapkan sektor pertanian yang turut memberi sumbangan besar kepada rakyat negeri ini.

Mohamed Khaled juga berkata kerajaan negeri kini dalam proses membangunkan daerah Segamat sebagai pusat berdasarkan industri asas tani.

Beliau berkata penglibatan pihak lain seperti Johor Corporation dan **BiotechCorp** kini dalam proses mengenal pasti projek-projek pertanian yang boleh dibangunkan di daerah tersebut.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri dan MOA bakal membangunkan 15 lokasi yang menempatkan pasar nelayan dan pasar tani kekal seluruh negeri.

Mohamaed Khaled berkata sebanyak empat lokasi bagi pasar nelayan telah dikenal pasti untuk dibangunkan tahun ini iaitu Kesang, Pontian, Benut dan Mersing.

Menyentuh mengenai pusat pengumpulan dan pemprosesan kupang yang masuk ke fasa kedua itu, beliau berkata kos pembangunan yang bernilai RM410,000 itu akan memberi faedah kepada komuniti sekitar.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 11 MEI 2014 (AHAD)**



Malaysia Dijangka Alami Monsun Barat Daya Pertengahan Mei - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Malaysia dijangka mengalami Monsun Barat Daya bermula pertengahan Mei 2014 dan akan berterusan sehingga awal September tahun ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** pada Ahad, secara amnya, Monsun Barat Daya merupakan musim kering bagi Malaysia dan dalam tempoh ini negara akan mengalami lebih banyak hari tanpa hujan.

"Bagaimanapun, hujan masih boleh dijangkakan berlaku pada waktu pagi terutama di kawasan pantai negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, dalam tempoh Monsun Barat Daya kali ini, jangkaan hujan adalah kurang daripada paras normal pada bulan Jun untuk semua negeri dan kembali kepada paras normal mulai Julai hingga September kecuali Sarawak.

Sarawak dijangka akan lebih kering daripada normal bagi Jun, Julai dan September manakala Ogos pada paras normal, jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, Jabatan Meteorologi akan memantau rapi situasi ini dan akan mengemas kini maklumat ini dari semasa ke semasa.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline 1-300-22-1MET, laman sesawang dan laman sosial MetMalaysia, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA